



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**17 MAC 2022**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 769 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 362,553 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Penampang, Tuaran, Pitas, Keningau, Beaufort dan Tambunan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 999 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 334,816 orang. Manakala 741 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 569 orang di hospital, 161 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan lima (5) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 56 orang merangkumi 41 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 25 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian bertambah 61 kes lagi hari ini berbanding kedudukan semalam. Jumlah kes baharu ialah 769 kes.
- b. Walaupun daerah Kota Kinabalu 175 (-27), Penampang 66 (-4) dan Tuaran 64 (-6) mencatatkan penurunan jumlah kes baharu, tetapi kecuali Kota Kinabalu, penurunan tersebut adalah dalam skala yang kecil dan tidak dapat mengimbangi kenaikan kes baharu di daerah-daerah lain. Kebiasaannya kedudukan kes harian di ketiga-tiga daerah ini menjadi penentu kepada pergerakan turun-naik jumlah kes harian bagi negeri Sabah.
- c. Hari ini daerah-daerah seperti Papar 60 (+28), Beaufort 57 (+10), Kota Belud 33 (+17), Keningau 31 (+9), Tambunan 29 (+10) dan Putatan 28 (+9) adalah antara penyumbang kepada jumlah kes yang lebih tinggi di Sabah berbanding kelmarin.
- d. Sebanyak 754 atau 98.05% daripada 769 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lima (5) kes dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan enam (6) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	1	0.13%
2	Kontak	180	23.41%
3	Bergejala	462	60.08%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	126	16.38%
<b>JUMLAH</b>		<b>769</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/03/2022	Catatan Kes 17/03/2022	Perbandingan
1	Papar	32	60	+28
2	Kota Belud	16	33	+17
3	Kuala Penyu	8	20	+12
4	Ranau	5	16	+11
5	Beaufort	47	57	+10
6	Tambunan	19	29	+10
7	Putatan	19	28	+9
8	Keningau	22	31	+9
3	Tawau	41	48	+7
10	Tongod	1	6	+5
11	Lahad Datu	9	11	+2
12	Pitas	7	9	+2
13	Kota Marudu	22	23	+1
14	Kalabakan	2	3	+1
15	Telupid	4	5	+1
16	Kinabatangan	8	8	Mendatar
17	Sandakan	23	23	Mendatar
18	Nabawan	3	3	Mendatar
19	Semporna	0	0	Mendatar
20	Kunak	2	2	Mendatar
21	Kota Kinabalu	202	175	-27
22	Sipitang	32	12	-20
23	Tuaran	70	64	-6
24	Penampang	70	66	-4
25	Tenom	19	15	-4
26	Beluran	15	13	-2
27	Kudat	10	9	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>708</b>	<b>769</b>	<b>+61</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	20	129	0	26	175	4,352
Penampang	0	16	48	0	2	66	1,497
Tuaran	1	31	24	0	8	64	1,284
Papar	0	11	41	0	8	60	1,226
Beaufort	0	6	46	0	5	57	699
Tawau	0	3	17	0	28	48	634
Kota Belud	0	11	17	0	5	33	530
Keningau	0	11	13	0	7	31	673
Tambunan	0	12	12	0	5	29	375
Putatan	0	10	17	0	1	28	371
Sandakan	0	5	14	0	4	23	543
Kota Marudu	0	12	7	0	4	23	437
Kuala Penyu	0	8	9	0	3	20	369
Ranau	0	7	7	0	2	16	272
Tenom	0	0	14	0	1	15	434
Beluran	0	11	2	0	0	13	166
Sipitang	0	0	11	0	1	12	433
Lahad Datu	0	0	7	0	4	11	285
Pitas	0	2	3	0	4	9	186
Kudat	0	0	7	0	2	9	236
Kinabatangan	0	3	4	0	1	8	135
Tongod	0	0	5	0	1	6	92
Telupid	0	0	4	0	1	5	142
Nabawan	0	1	1	0	1	3	122
Kalabakan	0	0	2	0	1	3	62
Kunak	0	0	1	0	1	2	50
Semporna	0	0	0	0	0	0	32
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>180</b>	<b>462</b>	<b>0</b>	<b>126</b>	<b>769</b>	<b>15,637</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Tambalang	1
	<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,629 unit.

- Hospital 1,574 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,672 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.26%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	735
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	33
<b>Jumlah</b>	<b>769</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Turki	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	722
Bukan Malaysia	47
<b>Jumlah</b>	<b>769</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	59
Belum Menerima Vaksin (5-11)	42
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	20
Menerima 1 Dos	24
Lengkap 2 Dos	336
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	288
<b>Jumlah</b>	<b>769</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	13
1-4	46
5 -11	61
12-17	32
18-29	174
30-39	193
40-49	115
50-59	64
60-69	36
70-79	24
80-89	10
>90	1
<b>Jumlah</b>	<b>769</b>

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 16 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,844 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,423 orang adalah penduduk dewasa, 105 orang adalah penduduk remaja dan 1,316 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 16 Mac 2022 adalah seramai 2,547,007 orang. Ini meliputi 2,130,741 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.43% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,404,595 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,088,477 orang atau 76.88% adalah penduduk dewasa.

3 Seramai 332,103 orang atau 77.92% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,118 atau 74.17% orang setakat ini.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,573** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

1 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.

- Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi

2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 163 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1120 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 557 premis perniagaan dan 878 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 46 Premis Perniagaan melibatkan 29 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 130 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 92 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 225 hebahan di seluruh Sabah.

## F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Beluran	98.8%
3	Kudat	98.8%
4	Tawau	98.8%
5	Kota Belud	98.8%
6	Keningau	98.8%
7	Tenom	98.8%
8	Beaufort	98.8%
9	Kota Marudu	98.8%
10	Penampang	98.8%
11	Papar	98.8%
12	Tuaran	98.8%
13	Kinabatangan	98.7%
14	Sandakan	98.7%
15	Semporna	98.7%
16	Sipitang	98.7%
17	Lahad Datu	98.7%
18	Kota Kinabalu	98.7%
19	Ranau	98.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**